



**1078 PENGETAHUAN PELAJAR ALIRAN SAINS TERHADAP MAKSUD AYAT AL-
QURAN YANG BERKAITAN DENGAN SAINS**

Hasanah Binti Haji Iksan
Lubna Abdul Rahman
Sahlawati Binti Abu Bakar
Wan Ramizah Binti Hasan,

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Mempelajari bahasa Arab mempunyai banyak tujuan, antaranya adalah untuk tujuan sains. Al-Quran sebagai sumber Bahasa Arab untuk tujuan sains seharusnya menjadi rujukan utama dalam memahami tujuan tersebut. Isunya ialah al-Quran yang menggunakan bahasa arab sebagai bahasa utama tidak dijadikan sumber utama dalam memahami istilah-istilah sains. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menganalisis ayat-ayat sains dalam al-Quran yang digunakan dalam Modul Bahasa Arab untuk Sains bagi pelajar aliran sains di Universiti Sains Islam Malaysia. Kajian juga akan menganalisis pengetahuan pelajar terhadap maksud ayat al-Quran yang dipilih. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data. Data dianalisis melalui statistik deskriptif secara peratusan Responden terdiri daripada 169 orang pelajar bidang sains di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Lima ayat dikenalpasti berkaitan dengan tajuk sains di dalam modul, dipilih sebagai sampel kajian. Pilihan jawapan disediakan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan responden terhadap maksud ayat dan juga makna bagi istilah sains dalam ayat tersebut. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan responden terhadap maksud ayat dan makna istilah sains berkaitan khasiat madu dan puasa adalah tinggi, manakala pengetahuan mereka adalah pada tahap sederhana bagi ayat-ayat sains berkaitan cap jari, cukur rambut dan rahsia alam. Ini menunjukkan bahawa modul khusus bahasa Arab untuk Sains dapat membantu responden mengetahui ayat-ayat berkaitan sains dalam al-Quran dan memperkenalkan istilah sains yang terdapat dalam kitab suci itu Kajian ini menjadi kayu ukur bagi penggunaan modul bahasa Arab untuk tujuan Khusus dengan mengaplikasi ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengannya di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.

Keyword : ayat al-Quran, Bahasa Arab untuk Tujuan Sains, Modul Bahasa Arab, Istilah sains

1. Pendahuluan



Mempelajari bahasa Arab adalah syarat wajib untuk menguasai isi al-Quran, bukan hanya al-Quran bahkan untuk mengerti hadis serta kitab-kitab para ulama memerlukan kemampuan berbahasa Arab. Ini membuktikan bahawa umat Islam amat disarankan untuk mempelajari bahasa Arab bagi memudahkan mereka memahami al-Quran dan hadis.

Bermula pada pertengahan kurun ke-20, pembelajaran bahasa diperluaskan dengan melihat kepada keperluan tertentu, iaitu mempelajari Bahasa Untuk Tujuan Khusus. Di antara Tujuan Khusus itu ialah untuk tujuan agama (Husaini dkk 2015, Muhammad Najib 2013, Mohd Shahrizal 2015), perniagaan, pentadbiran, pelancongan (Muhammad Imran 2018, Rosni 2008), ekonomi, sains dan sebagainya. Sekiranya ia untuk tujuan tertentu, sebaiknya isi kandungan modul tersebut hendaklah berfokuskan kepada tujuan itu. Ini jelas dinyatakan oleh Hutchinson & Waters (1987) bahawa metod Pengajaran Bahasa Untuk Tujuan Khusus adalah dengan menggunakan silibus dan kaedah pengajaran bahasa berpaksikan kepada keperluan dan kehendak pelajar.

Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji berapa banyakkah penggunaan ayat al-Quran dalam pembelajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Sains (BATS) dalam modul mbahasa Arab untuk Sains yang disediakan oleh USIM. Ini kerana Bahasa Arab dan al-Quran bagaikan dua perkara yang tidak dapat dipisahkan antara satu dengan yang lain. Sekiranya untuk bidang sains, maka kandungan modul itu hendaklah mengenenahkan ayat al-Quran yang berkaitan dengan sains. Ayat-ayat sains menjurus kepada ayat al-Quran yang menceritakan atau menerangkan kejadian manusia, alam, ciptaan bumi dan alam semesta dan sebagainya yang berkaitan dengan ilmu-ilmu sains. Bersumberkan modul yang ada, pengkaji menganalisis kesesuaian penggunaan ayat al-Quran dengan topik sains. Kajian juga menganalisis adakah pelajar mengetahui sepenuhnya maksud ayat yang digunakan tersebut ada kait dengan sains.

2. Sorotan Kajian Lepas

Banyak kajian lepas mengkaji tentang perkaitan sains dalam al-Quran. Antaranya kajian oleh Kamarul et al. (2013) mengkaji tentang fakta biologi dalam al-Quran berkenaan aspek keperluan air kepada benda hidup, mikroorganisma, genetik, DNA dan juga cap jari manusia. Dalam kajian ini, pengkaji telah menghuraikan dengan baik dan datangkan bukti ayat al-Quran beserta fakta Sains, antaranya bukti melalui Surah al-Nur ayat 45 jelas Allah SWT menyatakan kewujudan air “*Dan Allah menciptakan tiap-tiap haiwan yang bergerak dari air*”.

Kajian oleh Selamat et al. (2012) pula mengkhususkan ayat al-Quran dan fakta berkenaan aspek penciptaan alam, kejadian makhluk dan juga aspek kesihatan dalam penulisan beliau. Bagi aspek penciptaan alam beliau menekankan aspek geologi, astrologi, fenomena dan astronomi. Beliau turut membuktikan ayat al-Quran dan Sains berkaitan embriologi, fisiologi dan arkeologi bagi bukti kewujudan makhluk. Manakala aspek kesihatan beliau menekankan aspek penyakit, ubat-ubatan dan ianya disertakan ayat al-Quran bagi setiapnya.



Hasil kajian oleh Imaaduddin (2016) mendapati terdapat 16 ayat-ayat al-Quran yang berkait dengan isu alam sekitar secara langsung dan tidak langsung. Seterusnya Selamat (2016) dalam tesis Phd beliau menuliskan mengenai terma sains secara keseluruhannya di dalam al-Quran apabila pengkaji mengkaji secara menyeluruh aspek Saintifik Ketuhanan, Saintifik Tabii dan juga Saintifik Sosial.

3. Metodologi

Untuk mengumpulkan data, pemilihan instrumen adalah sangat penting. Menurut Lay & Khoo (2012), instrumen merupakan satu alat atau prosedur yang digunakan untuk mengumpul maklumat secara sistematik.

Pengkaji mengenal pasti jenis responden yang dikaji dengan tujuan kajian. Menurut Bryman (2001) setiap penyediaan instrumen soal selidik perlu digubal mengikut kesesuaian sampel. Persampelan ini dilakukan ke atas kumpulan subjek tertentu secara rawak terpinpin. Ini bermaksud populasi hanya tertumpu secara rawak kepada pelajar bidang sains yang telah mempelajari mata pelajaran اللغة العربية للعلوم (اللغة العربية للعلوم) iaitu mata pelajaran BATS dalam tempoh satu semester. Populasi yang digunakan dalam kajian ini keseluruhannya adalah seramai 169 orang pelajar daripada 550 orang daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Pergigian, Fakulti Sains dan Teknologi dan Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina di USIM.

Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan soal selidik untuk pengumpulan data. Dapatan soal selidik bersifat deskriptif yang dianalisis dengan melihat jawapan yang paling tepat daripada lima soalan yang berkaitan dengan ayat al-Quran yang mempunyai maksud dan istilah sains. Setiap soalan terdapat tiga pilihan jawapan. Responden diminta untuk memilih jawapan yang paling tepat berdasarkan pengetahuan mereka terhadap ayat al-Quram yang berkaitan dengan Sains.

Dalam pembentukan soal-selidik, kajian ini menggunakan item-item soal-selidik berdasarkan kandungan yang terdapat dalam modul pembelajaran bahasa Arab untuk sains. Item-item tersebut dibina bagi memenuhi keperluan responden menzahirkan pemahaman responden terhadap ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan sains. Pengolahan yang digunakan dalam kajian ini telah dipersetujui bersama-sama pakar bidang, ketua penyelidik dan ahli kumpulan penyelidikan.

4. Modul Bahasa Arab untuk Tujuan Sains di Universiti Sains Islam Malaysia

Modul Bahasa Arab untuk Tujuan Sains (BATS) ini dibahagikan kepada 4 unit. Unit 1 berkaitan dengan kemahiran membaca, unit 2; kemahiran mendengar dan bertutur, unit 3; kemahiran tatabahasa dan unit 4; kemahiran menulis.



Modul ini disusun khas untuk pelajar bidang Sains di Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Fakulti Perubatan Sains Kesihatan (FPSK), Fakulti Pergigian (FPG), dan Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB). Oleh itu, ayat-ayat al-Quran yang terdapat dalam unit kemahiran membaca telah dibahagikan kepada pelbagai Sains secara khusus; Tajuk 1: Bentuk-bentuk jisim (bidang fizik dan kimia), Tajuk 2: Rahsia perubatan nabi (bidang perubatan), Tajuk 3: Seni bina tamadun Islam (bidang arkitek), Tajuk 4: Tenaga nuklear **Error! Bookmark not defined.** dan alam sekitar (bidang sains teknologi). Setiap tajuk mempunyai perbincangan ilmiah mengenai bidang Sains serta mengemukakan tokoh sains dalam bidang tersebut.

5. Penggunaan Ayat-Ayat al-Quran Dalam Modul

Berdasarkan hasil analisis ayat al-Quran yang terdapat di dalam modul, pengkaji mendapati sebanyak 17 ayat al-Quran di dalam unit 1, 2 dan 3. Tiada ayat al-Quran yang terdapat di dalam unit 4 (Kemahiran Menulis). Namun, daripada 17 ayat al-Quran tersebut, hanya lima ayat sahaja yang berkaitan dengan bidang Sains. Ayat-ayat tersebut adalah; rahsia alam langit dan bumi tidak mampu diteroka sepenuhnya oleh manusia (surah al-Isra': 44), kelonggaran berbuka puasa kepada pesakit untuk memelihara kesihatan (surah al-Baqarah :184), mencukur rambut di kepala dapat mengelak daripada penyakit yang lebih teruk (surah al-Baqarah:196), penjagaan kesihatan dengan pengambilan madu lebah (surah an-Nahl :68-69), pengenalan diri melalui cap jari (surah al-Qiyamah: 4).

Ayat-ayat al-Quran yang digunakan dalam modul ini banyak tidak berkait dengan tajuk-tajuk Sains yang terdapat dalam unit 1, kecuali dua ayat al-Quran dalam tajuk kedua dalam unit 1, iaitu yang berkaitan dengan hasil yang dikeluarkan oleh lebah sebagai sumber perubatan. Terdapat satu ayat al-Quran dinyatakan dalam bahagian mukaddimah iaitu ayat 3 surah al-Zukhruf.

Unit 1 (Kemahiran Membaca)

Tajuk 1: Jisim

1.

تُسَبِّحُ لَهُ السَّمَوَاتُ السَّبْعُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ وَلَكِنْ لَا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ
إِنَّهُ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا

(Al-Isra : 44)

44. Langit Yang tujuh dan bumi serta sekalian makhluk Yang ada padanya, sentiasa mengucap tasbih bagi Allah; dan tiada sesuatupun melainkan bertasbih Dengan memujiNya; akan tetapi kamu tidak faham akan tasbih mereka. Sesungguhnya Ia adalah Maha Penyabar, lagi Maha Pengampun.

Ayat ini membincangkan mengenai semua makhluk daripada benda yang sekecil-kecil zarah sehinggalah ke sebesar-besar kejadian di langit dan di bumi bertasbih kepada Allah SWT



walaupun manusia tidak memahami tasbih mereka. Justeru menjadi kewajipan kepada manusia untuk mengkaji rahsia penciptaan kejadian alam. Bagi tajuk jisim ayat ini dijadikan sebagai dalil kerana ayat ini menyentuh mengenai zarah yang terkandung dalam perbincangan jisim.

Tajuk 2: Perubatan

1.

فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ

(Al-Baqarah : 184)

184. Maka sesiapa di antara kamu Yang sakit, atau Dalam musafir, (bolehlah ia berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari Yang dibuka) itu pada hari-hari Yang lain;

Ayat ini digunakan oleh Ibnu Jauziyah untuk menerangkan tentang salah satu daripada dua jenis penyakit iaitu penyakit fizikal dan penyakit hati. Kaedah merawat penyakit ialah menjaga kesihatan, melindungi diri daripada perkara yang menyakiti dan membuang bahan-bahan yang merosakkan badan. Maka ayat puasa ini digunakan sebagai dalil untuk membenarkan bagi pesakit berbuka untuk menjaga kesihatan dan melindungi diri daripada mendapat kemudaratan.

2.

وَأْتُمُوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ فَإِنْ أُحْصِرْتُمْ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ وَلَا تَحْلِقُوا رُءُوسَكُمْ حَتَّىٰ يَبْلُغَ الْهَدْيُ مَحَلَّهُ^ع
فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ بِهِ أَذًى مِّن رَّأْسِهِ فَفِدْيَةٌ مِّن صِيَامٍ أَوْ صَدَقَةٍ أَوْ نُسُكٍ

(Al-Baqarah : 196)

Dan sempurnakanlah Ibadat Haji dan Umrah kerana Allah; Maka sekiranya kamu dikepong (dan dihalang daripada menyempurnakannya ketika kamu sudah berihram, maka kamu bolehlah bertahallul serta) sembelihlah Dam Yang mudah didapati; Dan janganlah kamu mencukur kepala kamu (untuk bertahallul), sebelum binatang Dam itu sampai (dan disembelih) di tempatnya. maka sesiapa di antara kamu sakit atau terdapat sesuatu Yang menyakiti di kepalanya (lalu ia mencukur rambutnya), hendaklah ia membayar fidyah. Iaitu berpuasa, atau bersedekah, atau menyembelih Dam.

Diharuskan bercukur semasa ihram bagi orang yang sakit dan berpenyakit di kepala seperti gatal-gatal. Ayat ini juga menunjukkan kaedah merawat penyakit iaitu melindungi diri daripada perkara yang menyakitkan.

3.



وَأَوْحَىٰ رَبُّكَ إِلَى النَّحْلِ أَنْ اتَّخِذِي مِنَ الْجِبَالِ بُيُوتًا وَمِنَ الشَّجَرِ وَمِمَّا يَعْرِشُونَ ﴿٦٨﴾ ثُمَّ كُلِي مِن كُلِّ الثَّمَرَاتِ
فَاسْلُكِي سُبُلَ رَبِّكِ ذُلُلًا ۚ تَخْرُجُ مِنْ بُطُونِهَا شَرَابٌ مُّخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ فِيهِ شِفَاءٌ لِلنَّاسِ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ
يَتَفَكَّرُونَ ﴿٦٩﴾

(An-Nahl : 68-69)

68. Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah: "Hendaklah Engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu, dan juga di bangunan-bangunan Yang didirikan oleh manusia.

69. Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang Engkau sukai), serta Turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu Yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu". (dengan itu) akan keluarlah dari Dalam badannya minuman (madu) Yang berlainan warnanya, Yang mengandungi penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada Yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang Yang mahu berfikir.

Ayat ini dijadikan dalil bagi tajuk perubatan kerana membahaskan mengenai berubat dengan madu yang mempunyai pelbagai warna. Allah SWT menggunakan kalimah “*syarab*” bukan kalimah “*asal*” ialah kerana kalimah *syarab* merangkumi semua cairan yang keluar daripada lebah. Adapun kalimah *asal* hanya terbatas kepada madu sahaja. Cairan tersebut ialah madu, lilin, *royal jelly*, pendebungaan yang menghasilkan putik buah, getah yang dikeluarkan daripada lebah dan sengat lebah yang menjadi penawar kepada bisa.

Dalam tajuk 3 (bidang seni bina) dan tajuk 4 (bidang tenaga nuclear) tiada ayat al-Quran digunakan sebagai dalil. Namun begitu, pengkaji mendapati terdapat ayat al-Quran yang sesuai dijadikan dalil dalam bidang-bidang ini. Dalil bagi bidang seni bina ialah surah al-Fajr ayat 9 iaitu kisah kaum Thamud yang memahat gunung menjadi bangunan dan ayat 10 surah al-Fajr tentang Firaun yang menguasai bangunan-bangunan yang handal dan kukuh.

Dalil bagi bidang tenaga nuklear ialah dalam surah al-Hadid ayat 25. Firman Allah SWT:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسُ بِالْقِسْطِ ۗ وَأَنْزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ
بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ مَن يَنْصُرُهُ وَرُسُلَهُ بِالْغَيْبِ ۗ إِنَّ اللَّهَ قَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٢٥﴾

(Al-Hadid : 25)

Unit 2 (Kemahiran Mendengar dan Bertutur)

Hanya terdapat satu al-Quran dalam unit ini iaitu surah al-Qiyamah ayat 4:

بَلَىٰ قَدَرِينَ عَلَىٰ أَنْ نَسْوَىٰ بَنَانَهُ ﴿٤﴾



(Al-Qiyamah : 4)

4. Bukan sebagaimana Yang disangka itu, bahkan Kami berkuasa menyusun (dengan sempurnanya Segala tulang) jarinya, (tulang Yang lebih Halus dari Yang lain).

Ayat ini menjelaskan mengenai perbezaan cap jari yang diterangkan dalam bahagian mukjizat saintifik dalam al-Quran.

Unit 3 (Kemahiran Tatabahasa)

Terdapat 11 ayat al-Quran dalam unit ini. Kesemua ayat al-Quran yang dinyatakan dalam unit ini adalah untuk mempelajari tatabahasa Arab mengikut tajuk-tajuk dalam unit 3. Ayat-ayat ini tidak berkaitan dengan bidang Sains dan diambil secara rawak bagi memenuhi keperluan tajuk tatabahasa yang dibincangkan.

1.

لَيْسَ بِأَمَانِيكُمْ وَلَا أَمَانِي أَهْلِ الْكِتَابِ مَنْ يَعْمَلْ سُوءًا يُجْزَى بِهِ وَلَا يَجِدْ لَهُ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا



(Surah An-Nisa : 123)

123. (balasan Yang baik Yang dijanjikan oleh Allah itu) tidak akan didapati hanya dengan angan-angan kamu semata-mata, dan tidak pula Dengan angan-angan ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani). sesiapa yang melakukan kejahatan, ia akan dibalas dengan kejahatan itu, dan ia pula tidak akan mendapat - selain dari Allah - seorang pun Yang akan melindunginya, dan tidak ada juga yang dapat menolongnya.

2.

أَلْحِقْ أَشْهُرُ مَعْلُومَتٍ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجِّ وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ

خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ وَتَزُودُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ وَاتَّقُونِ يَا أُولِيَ الْأَلْبَابِ

(Al-Baqarah : 197)

197. (Masa untuk mengerjakan ibadat) Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. oleh Yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) Ibadat Haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, Dalam masa mengerjakan Ibadat Haji. dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah; dan hendaklah kamu membawa bekal Dengan cukupnya kerana Sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (dari keaiban meminta sedekah); dan bertaqwalah kepadaKu Wahai orang-orang Yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya).



3.

أَيَّمَا تَكُونُوا يُدْرِكُكُمُ الْمَوْتُ وَلَوْ كُنْتُمْ فِي بُرُوجٍ مُّشِيدَةٍ ۖ وَإِنْ تُصِبْهُمْ حَسَنَةٌ يَقُولُوا هَذِهِ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ ۖ وَإِنْ تُصِبْهُمْ سَيِّئَةٌ يَقُولُوا هَذِهِ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ ۖ قُلْ كُلُّ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ ۖ فَمَالِ هَؤُلَاءِ الْقَوْمِ لَا يَكَادُونَ يَفْقَهُونَ حَدِيثًا ﴿٧٨﴾ مَا أَصَابَكَ مِنْ حَسَنَةٍ فَمِنَ اللَّهِ ۖ وَمَا أَصَابَكَ مِنْ سَيِّئَةٍ فَمِنَ نَفْسِكَ ۗ وَأَرْسَلْنَاكَ لِلنَّاسِ رَسُولًا ۖ وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا ﴿٧٩﴾

(An-Nisa : 78)

78. Di mana jua kamu berada, maut akan mendapatkan kamu (bila sampai ajal), sekalipun kamu berada dalam benteng-benteng yang tinggi lagi kukuh. dan kalau mereka beroleh kebaikan (kemewahan hidup), mereka berkata: "Ini adalah dari sisi Allah", dan kalau pula mereka ditimpa bencana, mereka berkata: "Ini adalah dari (sesuatu nahas) yang ada padamu". Katakanlah (Wahai Muhammad): "Semuanya itu (kebaikan dan bencana) adalah (berpunca) dari sisi Allah". maka apakah yang menyebabkan kaum itu hampir-hampir tidak memahami perkataan (nasihat dan pengajaran)?

4.

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمْ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

(Al-Baqarah : 156)

156. (Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: "Sesungguhnya Kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah Kami kembali."

5.

أَمَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ جَنَّاتُ الْمَأْوَى نُزُلًا بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٩﴾

(As-Sajdah : 19)

19. Adapun orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka akan beroleh syurga tempat tinggal yang tetap sebagai balasan bagi apa Yang mereka telah kerjakan.

6.

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْءَانُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٢٤﴾

204. Dan apabila al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan Dia serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supaya kamu beroleh rahmat.



7.

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِرِينَ ﴿٨٥﴾

(Al-Imran : 85)

85. Dan sesiapa yang mencari ugama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang Yang rugi.

8.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَقْرُبُوا الصَّلَاةَ وَأَنْتُمْ سُكَرَىٰ حَتَّىٰ تَعْلَمُوا مَا تَقُولُونَ وَلَا جُنُبًا إِلَّا عَابِرِي سَبِيلٍ حَتَّىٰ تَغْتَسِلُوا وَإِنْ كُنْتُمْ مَّرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَفُورًا غَفُورًا ﴿٤٣﴾

(An-Nisa : 43)

43. Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampiri sembahyang (mengerjakannya) sedang kamu Dalam keadaan mabuk, hingga kamu sedar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan. dan janganlah pula (hampiri masjid) sedang kamu Dalam keadaan Junub (berhadas besar) - kecuali kamu hendak melintas sahaja - hingga kamu mandi bersuci. dan jika kamu sakit, atau sedang dalam musafir, atau salah seorang di antara kamu datang dari tempat buang air, atau kamu bersentuh dengan perempuan, kemudian kamu tidak mendapat air (untuk mandi atau berwuduk), maka hendaklah kamu bertayamum Dengan tanah - debu, yang suci, Iaitu sapukanlah ke muka kamu dan kedua tangan kamu. Sesungguhnya Allah Maha Pemaaf, lagi Maha Pengampun.

9.

وَجَاءَ وَآبَاهُمْ عِشَاءً يَبْكُونَ ﴿١٦﴾

(Yusuf : 16)

16. Dan sesudah itu datanglah mereka mendapatkan bapa mereka pada waktu senja sambil (buat-buat) menangis.

10.

وَجَاءَ أَهْلُ الْمَدِينَةِ يَسْتَبْشِرُونَ ﴿٦٧﴾

(Al-Hijr)

67. Dan (semasa kedatangan mereka) datanglah penduduk bandar itu dengan gembira.



11.

حَتَّىٰ إِذَا أَتَوْا عَلَىٰ وَادِ النَّمْلِ قَالَتِ نَمَلَةٌ يَتَأَيُّهَا النَّمْلُ ادْخُلُوا مَسْكِنَكُمْ لَا تَحْطِمَنَّكُمْ سُلَيْمَنُ وَجُنُودُهُ
 وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿١٨﴾

(An-Naml : 18)

18. (Maralah angkatan itu) hingga apabila mereka sampai ke "Waadin-Naml", berkatalah seekor semut: "Wahai sekalian semut, masuklah ke sarang kamu masing-masing, jangan Sulaiman dan tenteranya memijak serta membinasakan kamu, sedang mereka tidak menyedari".

Unit 4 (Kemahiran Menulis)

Tiada ayat al-Quran dalam unit ini.

6. Dapatan dan Perbincangan Kajian

Berikut adalah dapatan kajian bagi tahap pengetahuan responden tentang maksud dalam al-Quran.

Jadual 1: Tahap Pengetahuan Tentang Maksud Surah an-Nahl Ayat 68-69

ITEM	FREKUENSI	PERATUSAN (%)
Penjagaan kesihatan dengan pengambilan madu lebah	147	87
Penciptaan tumbuh-tumbuhan daripada air	12	7.1
Penciptaan gunung-ganang yang berbagai warna	10	5.9
JAWAPAN BETUL	147	87
JAWAPAN SALAH	22	13

Jadual di atas menunjukkan pengetahuan responden tentang maksud sains dalam surah an-Nahl. Majoriti responden memilih jawapan yang betul iaitu penjagaan kesihatan dengan pengambilan lebah (87%). Secara tidak langsung ini menunjukkan bahawa mereka mengetahui maksud ayat al-Quran tersebut.

Dalam ayat 68 dan 69 surah an-Nahl, Allah SWT mengilhamkan kepada lebah untuk membina sarang-sarang di gunung-ganang dan pokok-pokok kayu dan juga di bangunan-bangunan. Perkataan *ittikhizi* yang bermaksud ambil, perkataan *kuli* yang bermaksud makan, *fasluki* yang bermaksud ikutilah, *rabbiki* bermaksud tuhan kamu (perkataan milik untuk betina



pihak kedua), *butuniha* bermaksud abdomennya, kesemuanya menunjukkan kepada lebah betina. Menurut kajian dalam entimologi lebah yang membina sarang dan mencari madu adalah lebah betina. Lebah jantan mempunyai tugas-tugas lain. Adakah kenyataan tersebut berlaku secara kebetulan atau ia merujuk kepada lebah yang menurut nahu bahasa Arab adalah *muannas majazi*. Al-Quran adalah kalam Allah SWT, Yang Maha Pencipta dan Maha Tahu. Dia yang mencipta segala-galanya termasuk lebah. Ini menunjukkan bahawa-al-Quran adalah benar. (Mohd Arip 2007).

Jadual 2: Tahap Pengetahuan Tentang Maksud Surah al-Qiyamah Ayat 4

ITEM	FREKUENSI	PERATUSAN (%)
Permulaan alam dengan big bang	49	29.0
Peringkat pembentukan janin	33	19.5
Pengenalan diri melalui cap jari	87	51.5
JAWAPAN BETUL	87	51.5
JAWAPAN SALAH	82	48.5

Jadual di atas menunjukkan data pengetahuan responden tentang maksud sains dalam surah al-Qiyamah. 87(51.5%) responden memilih jawapan yang betul iaitu pengenalan diri melalui cap jari.

Ayat ini telah terbukti menurut kajian melalui sains mahupun teologi. Ruqayyah Waris Maqsood, seorang ahli teologi menyatakan bahawa perbezaan hujung jari manusia merupakan satu mukjizat. Beliau yang dahulunya berpegang kuat dengan agama Kristian terkesan dengan ayat 4 surah al-Qiyamah ini dan ayat ini juga telah mendorong beliau menganut agama Islam (Mohd. Arip, 2007).

Jadual 3: Tahap Pengetahuan Tentang Maksud Surah al-Baqarah Ayat 184

ITEM	FREKUENSI	PERATUSAN (%)
Penyahtoksidan daripada badan dengan bermusafir	11	6.5
Kelonggaran berbuka puasa kepada pesakit untuk memelihara kesihatan	134	79.3
Bermusafir dengan berjalan kaki boleh mencegah penyakit	24	14.2
JAWAPAN BETUL	134	79.3
JAWAPAN SALAH	35	20.7

Jadual di atas menunjukkan data pengetahuan responden tentang maksud sains dalam surah al-Baqarah ayat 184. Berdasarkan jadual 3, lebih ramai responden yang memahami maksud ayat tersebut (79.3%).

Jadual 4: Tahap Pengetahuan Tentang Maksud Surah al-Baqarah Ayat 196



ITEM	FREKUENSI	PERATUSAN (%)
Mencukur rambut di kepala dapat mengelak daripada penyakit yang lebih teruk	82	48.5
Berbekam dapat mengubati pelbagai sakit di bahagian kepala	81	47.9
Berinai dapat mengurangkan penyakit kulit di kepala	6	3.6
JAWAPAN BETUL	82	48.5
JAWAPAN SALAH	87	51.5

Jadual di atas menunjukkan pengetahuan responden tentang maksud sains daripada surah al-Baqarah ayat 196 yang terdapat di dalam modul. Lebih banyak responden yang memilih jawapan yang salah berbanding jawapan yang betul.

Jadual 5: Tahap Pengetahuan Tentang Maksud Surah al-Isra' Ayat 44

ITEM	FREKUENSI	PERATUSAN (%)
Rahsia alam langit dan bumi tidak mampu diteroka sepenuhnya oleh manusia	75	44.4
Langit dan bumi tidak ingkar kepada Penciptanya	79	46.7
Bumi dan langit tidak bercantum pada permulaan ciptaan alam	15	8.9
JAWAPAN BETUL	75	44.4
JAWAPAN SALAH	94	55.6

Berbandukan jadual di atas, dapat dilihat bahawa majoriti iaitu (55.6%) responden memilih jawapan yang salah bagi maksud ayat al-Quran daripada surah al-Isra' ayat 44. Hanya 75 orang (44.4%) responden menjawab dengan tepat iaitu rahsia alam langit dan bumi tidak mampu diteroka sepenuhnya oleh manusia.

Manusia memerlukan bantuan alat yang sangat canggih bagi melihat dan mengkaji teori pengembangan alam ini. Namun, hanya sedikit yang manusia temui. Para pakar astronomi NASA menemui bukti-bukti baru yang mengukuhkan lagi teori *Big Bang* **Error! Bookmark not defined.** Mereka mendapati, peringkat awal kejadian kosmos alam ini adalah lebih kecil daripada atom, kemudian pada masa satu per setrillion saat, ia mengembang sehingga menjadi kosmos yang luas. Penemuan ini dilaporkan berdasarkan data yang disalurkan oleh satelit NASA yang dilancarkan pada tahun 2001. Satelit ini dikenali sebagai *Wilkinson Microwave Anisotropy Probe (WMAP)*. Ia mengukuhkan teori alam mengembang sekaligus menampakkan kebenaran al-Quran (Danial, 2007).

7. Kesimpulan



Berdasarkan hasil analisis ayat al-Quran yang terdapat di dalam modul, pengkaji mendapati sebanyak 17 ayat al-Quran di dalam unit 1, 2 dan 3. Namun, hanya lima dikenalpasti berkaitan dengan sains. Ayat pertama mengenai madu. Sebanyak 87 peratus menjawab dengan jawapan yang betul kerana ayat 68-69 surah an-Nahl ini sering digunakan dalam masyarakat Islam seperti dalam perubatan Islam dan penjualan produk madu.

Ayat kedua iaitu surah al-Qiyamah ayat 4, berkenaan pengenalan diri melalui cap jari hanya mendapat 51.5 peratus sahaja yang menjawab dengan betul. Peratusan ini menunjukkan separuh responden menjawab betul dan separuh lagi tidak betul. Ayat ini berkemungkinan tidak jelas bagi responden kerana mereka hanya mendengar daripada filem dalam kemahiran mendengar dan diletakkan dalam bahagian latihan.

Ayat ketiga ialah mengenai kelonggaran berbuka puasa kepada pesakit untuk memelihara kesihatan dalam ayat 184 surah al-Baqarah. Responden yang menjawab betul adalah sebanyak 79.3 peratus. Skor ini adalah tinggi kerana ayat ini biasa digunakan bagi tujuan berpuasa di bulan Ramadhan.

Ayat keempat ialah dalam surah al-Baqarah ayat 196 membahaskan mengenai mencukur rambut bagi mengelak penyakit yang lebih teruk. Responden yang menjawab betul adalah sebanyak 48.5 peratus. Responden kurang memahami ayat ini dari aspek kesihatan bahkan memandangkan hanya dari aspek kewajipan haji. Ramai responden juga menjawab ayat ini berkaitan dengan berbekam di kepala. Mereka memilih jawapan ini dengan andaian bahawa perkataan bercukur di kepala adalah berkaitan bekam.

Ayat kelima mengenai rahsia alam langit dan bumi tidak mampu diterokai sepenuhnya oleh manusia yang terkandung dalam surah al-Isra' ayat 44. Peratus responden yang menjawab betul ialah 44.4 peratus sahaja. Ramai yang menjawab salah kerana ayat ini berkaitan dengan ilmu kosmologi dan kurang difahami oleh mereka.

Pengkaji juga mendapati sekiranya pelajar mempelajari Bahasa Arab tanpa mngenengahkan penggunaan ayat al-Quran, maka pelajar tidak terdedah dengan ayat-ayat al-Quran yang bersesuaian dengan topik perbincangan dalam modul Bahasa Arab. Sebanyak 80.5% responden menyatakan setuju modul yang mengenengahkan penggunaan ayat al-Quran dapat menjadikan mereka tahu ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan sains.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

Danial Zainal Abidin. 2007. *Quran Sainifik Meneroka Kecemerlangan Quran Daripada Teropong Sains*. Kuala Lumpur: PTS Publication.



- Husaini Kasran, Che Radiah Mezah dan Nik Farhan Mustapha. 2015. Analisis Keperluan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Warga Emas. *E-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization*. Vol. 2: 101-115.
- Hutchinson. T & Waters. A. (1987). *English for Specific Purposes A learning-centred approach*. New York: Cambridge University Press.
- Kamarul Azmi Jasmi, Azura Ahmad & Izzatul Amanda Jamarluddin. 2013. *Al-Quran dan Biologi*. Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2013. *Al-Quran Satu Mukjizat Yang Menakjubkan Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press. ISEN 978-983-52-0915-4.
- Lay, Yoon Fah & Khoo, Chwee Hoon. (2012). *Pengenalan kepada Pendekatan Kuantitatif dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Mohammad Najib Jaffar, Kirembwe Rashid Abdul Hameed dan Hishomuddin Ahmad. 2013. Bahasa Arab untuk Tujuan Agama: Analisis Keperluan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi di Universiti Sains Islam Malaysia. *Ulum Islamiyyah Journal*. Vol. 10: 19-29.
- Mohd Shahrizal Nasir, Muhammad Sabri Sahrir dan Mohd Firdaus Yahaya. 2015. Tinjauan Persepsi Pembelajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Ibadah sebagai Satu Keperluan bagi Masyarakat Muslim Awam di Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*. Vol. 30, 51-72.
- Mohd. Arip Hj. Kasmu. 2007. *Pengukuhan Akidah Menerusi Penghayatan Sains dalam Al-Quran (PASAK)*. Negeri Sembilan: Penerbitan Awan Biru.
- Muhammad Imran & Mohammad Najib Jaffar. 2018. *Waqi' al-lughah al-arabiyyah li al-aghrad al-khasah fi maliyza: al-arabiyyah li al-aghrad siyahiyyah Islamiyyah Namuzan*. Kertas kerja prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali ke-4. Bangi.
- Rosni Samah. 2008. Penggunaan Internet Dalam Pengajaran Bahasa: Kajian Terhadap Bahasa Arab Komunikasi Pelancongan Malaysia Education Deans' Council Journal. V(1) 83-95
- Selamat Bin Amir, Dr. Monika @ Munirah Abd Razzak & Prof Dato' Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff. 2012. Aplikasi Elemen Saintifik Dalam Tafsir Al-Quran : Satu Pengamatan Awal Terhadap Manhaj Zaghlul Al-Najjar Dalam Tafsir Al-Ayah Al-Kawniyyah Fi Al-Quran Al-Karim. *Proceedings : The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012*.